

SOALAN NO: 485

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan segera pindaan Akta Kesatuan bagi memastikan hak berkesatuan berjalan lancar walaupun adanya TPPA.

PR-1343-T76737

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) telah mengadakan beberapa siri perbincangan di peringkat Kementerian bagi menyemak, meneliti dan membincangkan peruntukan-peruntukan Akta Kesatuan Sekerja 1959 bagi tujuan membuat pindaan Akta Kesatuan Sekerja 1959.

2. Cadangan pindaan Akta ini antara lain bertujuan memastikan bahawa ianya selari dengan keadaan semasa serta kehendak *Trans Pacific Partnership Agreement* (TPPA). JHEKS telah mengadakan sesi konsultasi dengan pihak Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) dan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) bagi mendapatkan input serta pandangan.

3. Draf cadangan pindaan Akta Kesatuan Sekerja 1959 juga telah dibincangkan dengan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan *United States Trade Representative* (USTR) supaya beberapa isu yang dibangkitkan di dalam TPPA berkaitan dengan kebebasan berkesatuan adalah selaras dengan kehendak TPPA serta relevan dengan situasi semasa.

Tuan Yang Dipertua,

4. TPPA membuka ruang dan peluang yang lebih luas kepada pekerja-pekerja untuk menyertai mahupun menubuhkan kesatuan sekerja. Pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli kesatuan sekerja juga lebih bebas dan lancar untuk menggerakkan aktiviti-aktiviti kesatuan sekerja.

5. Draf akhir cadangan pindaan Akta ini akan dibentangkan ke pihak MTUC, MEF dan CUEPACS sebelum dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara. Cadangan pindaan Akta ini dijangka dibentangkan di Parlimen pada tahun 2017.